

**BAB 10 KAEDAH-KAEDAH INKGAR**

**10.01 Keadaan Ingkar**

Pusat Penjelasan boleh menganggap mana-mana keadaan berikut sebagai keadaan ingkar oleh Peserta Penjelasan:

- (a) Peserta Penjelasan tidak lagi memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang sah dan berkuat kuasa untuk menjalankan urusan Penjelasan;
- (b) penggantungan, pemecatan atau pemberhentian Peserta Penjelasan sebagai peserta Pusat Penjelasan, Bursa atau apa-apa derivatif, sekuriti, komoditi atau bursa saham atau pasaran atau kemudahan penjelasan atau penyelesaian di Malaysia atau di luar negara;
- (c) Peserta Penjelasan tertakluk kepada apa-apa sekatan yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan, Bursa atau apa-apa derivatif, sekuriti, komoditi atau bursa saham atau pasaran atau kemudahan penjelasan atau penyelesaian di Malaysia atau di luar negara;
- (d) Peserta Penjelasan menghentikan atau menggantung atau mengancam untuk menghentikan atau menggantung hampir semua perniagaannya, atau mengancam untuk melupuskan hampir semua asetnya;
- (e) Peserta Penjelasan tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan atau gagal mematuhi apa-apa syarat kemasukan sebagai Peserta Penjelasan;
- (f) Peserta Penjelasan gagal mematuhi apa-apa arahan, keputusan atau kehendak munasabah Pusat Penjelasan;
- (g) Peserta Penjelasan gagal mematuhi atau menyelesaikan apa-apa obligasinya berhubung dengan Kontrak Terbuka di bawah Kaedah-kaedah ini atau Kaedah-kaedah Bursa termasuk apa-apa syarat berhubung dengan Penghantarserahan dan penerimaan apa-apa Penghantarserahan;
- (h) Peserta Penjelasan gagal membayar sepenuhnya apa-apa caruman atau deposit yang perlu dibayar di bawah Kaedah-kaedah ini;
- (i) Peserta Penjelasan gagal mematuhi apa-apa kehendak kewangan yang dinyatakan dalam Bab 3 Kaedah-kaedah ini;
- (j) Peserta Penjelasan gagal mematuhi atau menyelesaikan apa-apa obligasi kewangannya berhubung dengan Kaedah-kaedah ini atau kaedah dan peraturan mana-mana bursa atau pusat penjelasan yang Peserta Penjelasan menjadi peserta atau ahlinya;
- (k) Peserta Penjelasan gagal membayar apabila perlu dibayar, apa-apa jumlah yang perlu dibayar dan kena dibayar, atau selainnya ingkar di bawah syarat apa-apa perjanjian pinjaman atau perjanjian lain berkaitan keterhutangan Peserta Penjelasan, atau mengancam atau mencadangkan untuk menggantung, menghentikan, menangguh atau menjadualkan semula pembayaran atau mengingkari, di bawah syarat pinjaman atau perjanjian tersebut;
- (l) Peserta Penjelasan tidak mampu membayar, atau tidak dapat membayar hutangnya sebagaimana dan apabila kena dibayar, atau petisyen penggulungan dikemukakan, atau notis cadangan ketetapan bagi penggulungan Peserta Penjelasan diberikan, atau perkiraan sukarela diluluskan oleh mahkamah bagi manfaat pemiutangnya, atau penyerahan hak atau setuju selesai dibuat oleh Peserta Penjelasan bagi manfaat pemiutangnya atau mana-mana daripada mereka, atau Pusat Penjelasan menganggap mengikut budi bicara mutlak bahawa mana-mana kejadian tersebut atau kejadian yang setara pasti akan berlaku tidak lama lagi atau mungkin berlaku di bawah mana-mana bidang kuasa;

- (m) penyelesaian, penerima, pengurus, pemegang amanah, penerima tadbir atau pegawai yang serupa dilantik untuk Peserta Penjelasan atau setuju selesai atau skim perkiraan yang diluluskan oleh mahkamah dibuat terhadap Peserta Penjelasan;
- (n) ketetapan untuk menggulung Peserta Penjelasan (melainkan bagi maksud penyatuan atau pembaharuan) diluluskan atau perintah penggulangan dibuat;
- (o) apa-apa distres, pelaksanaan atau proses lain dikenakan atau dikuatkuasakan atau disampaikan ke atas atau terhadap apa-apa harta atau aset Peserta Penjelasan; atau
- (p) apa-apa kejadian lain atau sejumlah kejadian, sama ada berkaitan atau tidak, berlaku (atau dilihat mungkin berlaku) yang pada pendapat Pusat Penjelasan mempunyai (atau dilihat mungkin mempunyai) kesan material terhadap keupayaan Peserta Penjelasan untuk memenuhi obligasinya kepada Pusat Penjelasan.

#### **10.02 Kuasa Pusat Penjelasan dalam keadaan ingkar**

- (1) Jika Pusat Penjelasan menganggap bahawa keadaan ingkar di bawah Kaedah 10.01 telah berlaku, Pusat Penjelasan boleh mengambil mana-mana atau semua tindakan yang berikut:
  - (a) menggantung Penyertaan Peserta Penjelasan yang ingkar;
  - (b) mengenakan sekatan terhadap aktiviti Peserta Penjelasan yang ingkar;
  - (c) enggan mendaftarkan Kontrak Pasaran di atas nama Peserta Penjelasan yang ingkar;
  - (d) melaksanakan, atau membenarkan tamat tempoh, apa-apa Kontrak Terbuka bagi Peserta Penjelasan yang ingkar;
  - (e) menyelesaikan apa-apa atau semua Kontrak Terbuka Peserta Penjelasan yang ingkar;
  - (f) mengarahkan ejen yang ditetapkan untuk melaksanakan belian masuk Instrumen setakat kuantiti yang perlu dihantarserahkan oleh Peserta Penjelasan yang ingkar;
  - (g) membubarkan atau menovasikan hak dan obligasi Peserta Penjelasan yang ingkar di bawah Kontrak Terbuka, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang boleh dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan dan ini termasuk tindakan Pusat Penjelasan:
    - (i) melantik satu atau lebih Peserta Penjelasan untuk melikuidasikan Kontrak Terbuka;
    - (ii) memindahkan atau mengusahakan pemindahan Kontrak Terbuka kepada satu atau lebih Peserta Penjelasan yang bersetuju untuk menerima pemindahan tersebut; dan
    - (iii) melainkan Pusat Penjelasan menentukan sebaliknya, memindahkan atau mengusahakan pemindahan semua wang dan Kolateral Diluluskan yang berkaitan Kontrak Terbuka yang dipindahkan menurut Kaedah 10.02(1)(g)(ii);
  - (h) menjual, menukar kepada wang atau menggunakan apa-apa Kolateral Diluluskan dan mengira jumlah semua aset Peserta Penjelasan yang ingkar, termasuk Deposit Sekuritinya, Deposit Peserta Penjelasan Langsung (jika berkenaan), Caruman Dana Penjelasan, tunai dan apa-apa aset lain yang dipegang oleh Pusat Penjelasan, dengan syarat bahawa apa-apa Kolateral Diluluskan, tunai atau aset lain yang didepositkan dengan Pusat Penjelasan berhubung dengan Kontrak Terbuka yang direkodkan dalam Akaun Terasing Peserta Penjelasan yang ingkar tidak boleh digunakan untuk memenuhi apa-apa obligasi yang berkaitan Kontrak Terbuka dalam Akaun Tak Terasing;

- (i) menolak apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah 10.02(1)(e), (f) dan (g) terhadap wang yang ditentukan mengikut 10.02(1)(h); dan
    - (i) apa-apa wang tambahan mesti digunakan mengikut Kaedah 10.03;
    - (ii) apa-apa kekurangan mesti dibayar mengikut Kaedah 10.04;
  - (j) melaksanakan transaksi lindung nilai, dengan apa-apa cara, bagi pihak dan atas risiko Peserta Penjelasan yang ingkar, untuk menyingkirkan atau mengurangkan risiko pasaran yang timbul akibat Kontrak Terbuka; atau
  - (k) mengambil apa-apa tindakan lain yang dianggap perlu oleh Pusat Penjelasan untuk melindungi kepentingan awam atau Pusat Penjelasan.
- (2) Tindakan yang dirujuk dalam Kaedah 10.02(1) akan diambil atas perbelanjaan Peserta Penjelasan yang ingkar.
- (3) Tindakan yang dirujuk dalam Kaedah 10.02(1) boleh diambil serta-merta atau pada bila-bila masa lain dalam apa-apa urutan yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan tanpa memerlukan apa-apa notis terdahulu atau kebenaran Peserta Penjelasan yang ingkar atau mana-mana orang lain.

#### **10.03 Penyelesaian obligasi**

Pusat Penjelasan akan membayar apa-apa tambahan yang ditentukan menurut Kaedah 10.02(1)(i)(i) kepada Peserta Penjelasan yang ingkar.

#### **10.04 Panggilan dana**

Apa-apa kekurangan yang ditentukan menurut Kaedah 10.02(1)(i)(ii) mesti dipenuhi dan dibayar melalui penggunaan dan pemakaian dana mengikut Kaedah 9.07.

#### **10.05 Makluman kepada Bursa dan Suruhanjaya**

Pusat Penjelasan akan memaklumkan Bursa dan Suruhanjaya yang berkaitan tentang semua tindakan yang diambil di bawah Bab ini.

#### **10.06 Pemberian bantuan oleh Peserta Penjelasan**

Peserta Penjelasan yang ingkar mesti bekerjasama dengan Pusat Penjelasan dan Peserta Penjelasan yang tidak ingkar berkenaan dengan apa-apa tindakan yang mungkin diambil oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah 10.02.

[Bab Tamat]